

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 01 Tahun 2022

PEKELILING BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 20 Disember 2021 berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dalam pembentangan Belanjawan 2022, Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM700.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bersara paksa dan veteran tidak berpencen sebanyak RM350.00.
- 2.2 Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 20 Disember 2021 berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 (Ruj. JPA.800-3/2/1(32)) dan Surat Edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 24 Disember 2021 (Ruj. MOF.DS(S)600-10/3/3(31)) mengenai pemanjangan pemberian Bayaran Khas 2022 kepada pegawai di bawah *Contract For Service* (CFS).
- 2.3 Majlis Sumber Manusia melalui Edaran Bilangan 25/2021 bertarikh 29 Disember 2021 memperaku dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berkenaan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Bertarikh 20 Disember 2021 berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022, dan mencadangkan tarikh pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 pada 25 Januari 2022.

- 2.4 Lembaga Pengarah Universiti berkeputusan pada 19.1.2022 membuat keputusan meluluskan penerimaan pakai Surat Pekeliling JPA bertarikh 20 Disember 2021 berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan tarikh pembayaran adalah 25 Januari 2022.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 20 Disember 2021 berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah seperti berikut:

- a) Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700.00 diberi kepada pegawai UiTM di Gred 56 dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 25 Januari 2022.
- b) Pegawai UiTM Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan yang layak merupakan:
 - i. pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract Of Service* (COS);
 - ii. pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - iii. pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - iv. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - v. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
- c) Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
- d) Staf Lantikan Kontrak Akaun Amanah Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Bagi staf lantikan kontrak Akaun Amanah PTJ UiTM, dipanjangkan kepada PTJ masing-masing tertakluk kelulusan dan kemampuan kewangan Tabung Amanah PTJ;

e) Pesara

Pesara Kerajaan yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada UiTM atau perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 25 Januari 2022 akan dibayar sebanyak RM350.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran;

f) Pesara dan veteran seperti di para di atas yang dilantik semula secara *Contract Of Service* (COS) dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak dibayar sebanyak RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam / Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;

g) Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah:

- i. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
- ii. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2022;
- iii. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022; dan
- iv. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022.
- v. pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan;
- vi. Pesara UiTM yang dilantik secara kontrak (Pakej) Gred SKU (KHAS) selain lantikan *Contract Of Service* (COS) dan *Contract For Service* (CFS).
- vii. Pesara UiTM yang dilantik secara kontrak Khidmat Setia Akademik dan tiada emolumen (Skim Dalaman UiTM).

h) Pegawai Yang Ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan

- i. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah;
- ii. Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap selain sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar (Hospital Kerajaan/Klinik Kerajaan/Pusat Kesihatan UiTM) akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas kewangan Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022. Pengesahan perubatan selain Hospital Kerajaan/Klinik Kerajaan/Pusat Kesihatan UiTM adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak Pengurusan UiTM dari masa ke semasa.

i) Pegawai Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan

Pegawai UiTM yang meninggal dunia pada 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700.00; dan

- j) Bayaran Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar pada **25 Januari 2022** (Selasa) dan menjadi tanggungjawab jabatan dimana pegawai itu berkhidmat pada tarikh pembayaran (tertakluk kepada Bank Pembayar).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 24 Januari 2022

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Januari 2022.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua staf gred 56 dan ke bawah serta untuk edaran dalaman sahaja.



PROFESSOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-BPD (BSK. 6/2)
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 1/2022